# Private Car Protector

**Perlindungan insurans menyeluruh untuk kereta anda**



**QBE Insurance (Malaysia) Berhad**
*Ahli PIDM*
*Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi QBE Insurance (Malays ia) Berhad or PID M (visit www.pidm.gov.my)*

QBE

Anda boleh menikmati

# Perlindungan Menyeluruh

- Kecederaan tubuh badan dan kematian pihak ketiga
- Kehilangan dan kerosakan harta pihak ketiga
- Kehilangan atau kerosakan terhadap kenderaan anda sendiri akibat kebakaran tidak sengaja, kecurian atau kemalangan

# + Ciri-ciri Baharu

## Program Bantuan Auto Yang Dipertingkat

Melindungi Caj Tunda Kereta atau pembaikan tepi jalan sehingga RM 500 setiap kejadian.

Peningkatan automatik ke perlindungan ‘Tanpa Had’ apabila anda memilih Perlindungan Pemandu dan Penumpang.

SEHINGGA 10 TAHUN

## Pelepasan Penambahbaikan

Pembayaran tuntutan tidak akan terjejas disebabkan Syarat Penambahbaikan untuk kenderaan berusia sehingga 10 tahun.

## Perlindungan Ehsan

Kami akan membayar jumlah tambahan sehingga RM 5,000 untuk kos yang ditanggung untuk mendapatkan kenderaan baharu dalam kes kecurian atau kerugian menyeluruh terhadap kereta anda.

## Penggantian Kunci

Penggantian kunci untuk kehilangan atau kerosakkan akibat kecurian ragut, pecah masuk kenderaan sehingga RM 500.

# Pilih mana-mana manfaat tambahan berdasarkan **keperluan anda**

### Perlindungan untuk Cermin Depan/ Belakang, Tingkap dan Bumbung Matahari
Kami akan membayar kos untuk menggantikan atau membaiki mana-mana kaca cermin depan/belakang, tingkap atau bumbung matahari kereta anda yang rosak secara tidak sengaja tanpa menjejaskan kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan dalam Polisi Anda

### Liabiliti Undang-undang Penumpang Kerana Perbuatan Cuai
Dilanjutkan untuk melindungi liabiliti undang-undang yang ditanggung oleh mana-mana penumpang di dalam kereta anda

### Pelepasan NCD Untuk Tahun Semasa
Memberi Anda pampasan untuk jumlah NCD bagi tahun semasa yang mungkin Anda hilang disebabkan tuntutan yang dibuat terhadap Polisi ini

### Perlindungan Tambahan Bencana Khas
Dilanjutkan untuk melindungi kerosakan terhadap kereta anda akibat banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah ataupun malapetaka alam yang lain

### Liabiliti Undang-undang terhadap Penumpang
Dilanjutkan untuk melindungi liabiliti Anda atau Pemandu Dibenarkan terhadap penumpang di dalam kereta anda

### Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam
Dilanjutkan untuk melindungi kerosakan terhadap kereta anda disebabkan mogok, rusuhan dan kekecohan awam

## Manfaat Tambahan Baharu

### 1 Elaun Perbelanjaan Sendiri
- ✓ Membayar ganti rugi untuk kerugian penggunaan kereta anda disebabkan kemalangan
- ✓ Pembayaran balik penginapan hotel sekiranya kereta anda terlibat dalam kemalangan
- ✓ Semburan cat seluruh kereta

### 2 Kerugian Pertama Bencana Khas
- ✓ Dilanjutkan untuk melindungi kerosakan terhadap kereta anda akibat banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah ataupun malapetaka alam yang lain, sehingga jumlah diinsuranskan yang dipilih

### 3 Kos Pembersihan Akibat Banjir
- ✓ Membayar kos pembersihan sekiranya kereta anda mengalami kerosakan air akibat banjir, banjir kilat, limpahan air, parit atau sungai atau gelinciran lumpur

### 4 Driver Passenger Protector
- ✓ Menawarkan perlindungan Kemalangan Diri untuk pemandu dan penumpang dalam kereta anda untuk :
  - ➤ Pembayaran sekaligus untuk kematian, hilang upaya kekal
  - ➤ Perbelanjaan Perubatan, elaun harian hospital, yuran ambulans, perbelanjaan pengebumian
- ✓ Membayar balik kehilangan barangan peribadi dalam kereta anda disebabkan pecah masuk atau rompakan
- ✓ Memperluaskan perlindungan Kemalangan Peribadi kepada anda dan keluarga anda ketika mereka menaiki kenderaan lain sebagai penumpang, menaiki pengangkutan awam sebagai penumpang yang membayar tambang, atau sebagai pejalan kaki
- ✓ Menyediakan perlindungan program Bantuan Auto tanpa had untuk kereta anda

# Soalan-soalan Lazim FAQ?

## 1. Siapa boleh membeli polisi ini?

- ✓ Pemilik kereta persendirian berindividu yang berusia 17 tahun ke atas.
- ✓ Syarikat yang mamiliki kenderaan untuk 'kegunaan persendirian'.

## 2. Bagaimanakah boleh anda menggunakan kereta persendirian anda?

Polisi Private Car Protector melindungi anda jika kereta anda digunakan untuk "tujuan sosial, domestik dan bersukaria dan untuk perniagaan pemegang polisi".

Berikut adalah beberapa contoh bagaimana kereta anda boleh digunakan:

- ✓ Untuk melawat saudara-mara dan rakan-rakan, untuk membeli-belah dan lain-lain;
- ✓ Untuk kegunaan perniagaan yang terhad terhad seperti pergi dan balik dari tempat kerja dan untuk bertemu pelanggan.

## 3. Di wilayah manakah kereta anda dilindungi?

Insurans ini melindungi anda di Malaysia, Singapura dan Brunei tertakluk kepada undang-undang Malaysia. Jika anda berhajat untuk memandu kereta anda ke Singapura, anda dikehendaki di bawah undang-undang Singapura untuk mempunyai Perlindungan Liabiliti Penumpang (PLP) yang boleh didapatkan sebagai 'Manfaat Tambahan'.

## 4. Bilakah perlindungan anda berkuat kuasa?

Insurans ini mula berkuat kuasa dari waktu anda membeli perlindungan atau pada waktu mula berkuat kuasa yang dipersetujui sehingga tarikh tamat. Tempoh Insurans akan dicetak di dalam Jadual Polisi dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Jika terdapat sebarang perubahan terhadap tarikh-tarikh ini, ianya akan ditunjukkan secara rasmi dalam Endorsmen yang dikeluarkan oleh kami.

## 5. Bagaimanakah caranya untuk saya membeli Polici ini?

Jumpa dengan mana-mana ejen sah QBE atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di +603 7861 8400.

## 6. Kemanakah boleh saya hantar kenderaan saya sekiranya berlaku kemalangan:

- Sekiranya kenderaan anda telah terlibat dalam sebarang insiden yang boleh membawa kepada suatu tuntutan dibuat di bawah polisi ini, anda hendaklah menghantar kenderaan anda kepada Pembaik Yang Diluluskan.

  Pengendorsan 106 A: Pembaik yang diluluskan oleh Syarikat Insurans

  a. Bengkel pembaikan motor yang tersenarai dalam panel bengkel pembaikan yang diluluskan kami;
  b. Mana-mana pembaik lain yang kami telah berikan kebenaran khas untuk anda gunakan dalam keadaan-keadaan yang dinyatakan dalam polisi.

- Sekiranya tiada sebarang ahli panel bengkel pembaikan yang diluluskan di mana-mana lokasi berdekatan di mana insiden berlaku, kami boleh menggunakan budi bicara kami untuk memilih sama ada:

  a. membantu anda mengakses bengkel pembaikan panel kami yang terdekat dan mengaturkan perkhidmatan menunda ke bengkel sedemikian tanpa sebarang kos kepada anda; atau
  b. membenarkan kenderaan anda yang rosak tersebut dibaiki di bengkel pembaikan motor berdekatan yang telah diluluskan oleh Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) di bawah Skim Pembaik Motor yang diluluskan oleh PIAM (PIAM Approved Repairers Scheme (PARS)), seperti yang akan ditentukan oleh kami.

## Nota Penting!

- ! Brosur ini bukanlah kontrak insurans. Terma dan syarat yang terperinci diinyatakan dalam polisi Insurans.
- ! Anda boleh meminta untuk menyemak polisi Insurans sebenar sebelum mendaftar. Sila hubungi agen Insurans atau khidmat pelanggan QBE untuk bantuan.
- ! Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi bahasa Inggeris dan versi terjemahan brosur ini, versi bahasa Inggeris akan diguna pakai.

# Private Car Protector direka untuk Memenuhi Keperluan Anda

## Perlindungan Menyeluruh

Polisi komprehensif ini direka untuk menyediakan perlindungan menyeluruh untuk kereta anda sekiranya terlibat dalam kemalangan. Perlindungan ini meliputi: kecurian, kerosakan akibat kemalangan atau kebakaran, liabiliti yang timbul daripada kerosakan terhadap harta atau kecederaan tubuh badan pihak ketiga. Ia juga merangkumi perkhidmatan tambahan seperti program Bantuan Auto.

## Manfaat Tambahan Yang Fleksibel Disediakan

Anda boleh memilih mana-mana Manfaat Tambahan berdasarkan keperluan anda.

24 JAM SERVIS

## Program Bantuan Auto

+ Perkhidmatan Tunda Kecemasan 24 jam
+ Pembaikan Kecil Tepi Jalan 24 jam
+ Perkhidmatan lain termasuk:
  - Pemulaan Lompatan ("Jump start")
  - Penukaran Tayar
  - Bantuan untuk Kes Kemalangan
  - Perkhidmatan Rujukan untuk Servis Kereta atau Pembaikan
  - Perkhidmatan Sistem Paip
  - Perkhidmatan Tukang Kunci
  - Perkhidmatan Pembaikan Am Rumah
  - Bantuan Maklumat Am Lain

## Perkhidmatan Tuntutan

+ Panel bengkel yang meluas
+ Tuntutan cermin depan/belakang tanpa tunai
+ Tuntutan pantas untuk tuntutan berjumlah RM5,000 ke bawah
+ Waranti kerja tangan selama 6 bulan bagi pembaikan yang dilakukan oleh bengkel panel

**PENGECUALIAN UTAMA**

- Sukan Bermotor dan Pertandingan
- Alkohol, Dadah dan Penggunaan Secara Tidak Sah

Sila rujuk polisi insurans untuk senarai penuh terma dan syarat.

**NOTA PENTING**

- Brosur ini adalah untuk maklumat am sahaja dan bukan merupakan kontrak insurans.
- Penerangan mengenai perlindungan yang disediakan adalah untuk rujukan pantas dan mudah anda. Terma dan syarat yang tepat dinyatakan di dalam polisi insurans.
- Anda digalakkan untuk membaca dan memahami sepenuhnya semua maklumat berkaitan perlindungan polisi, termasuk Lembaran Pendedahan Produk (PDS) yang berkenaan, atau berbincang dengan ejen/broker anda, atau hubungi kami secara terus sebelum mengambil polisi ini bagi memastikan perlindungan yang dipilih memenuhi keperluan anda.
- Semua premium tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan pada kadar semasa. Polisi juga tertakluk kepada duti setem sebanyak RM10.
- Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai produk ini atau perlindungan lain yang serupa, sila layari laman web kami di https://www.qbe.com/my untuk maklumat perhubungan.
- QBE Insurance (Malaysia) Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

QBE

**QBE Insurance (Malaysia) Berhad**
*(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan 2013, dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)*
Registration No.: 198701002415
SST No.: B16-1808-31042744
No. 638, Level 6, Block B1, Leisure Commerce Square,
No. 9, Jalan PJS 8/9, 46150 Petaling Jaya,
Postal Address P.O. Box 10637, 50720 Kuala Lumpur, Malaysia.
Phone: 03-7861 8400 Faks: 03-7973 7430
www.qbe.com/my Email: info.mal@qbe.com

Cawangan:
• Penang • Ipoh • Johor Bahru • Kuching
• Kota Kinabalu • Sandakan

**MVAPCP-B-2026**